KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
50604 Kuala Lumpur

Tel : 03 6204 6000
Fax : 03 6204 6801
Portal : *jpwpkl.moe.gov.my*

Ruj. Kami : JPWPKL 600 - 3/5/5 (10)
Tarikh : 10 Februari 2021

**Pengetua/Guru Besar**
**SMK/SK/SJKC/SJKT**
**Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

**Tuan,**

**PERTANDINGAN ESEI *SCIENTIST FOR A DAY 2021***

Dengan sukacitanya perkara di atas dan surat dari Planetarium Negara, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) no. rujukan PN/EDU/600-1/4 Jld. 3 (6) bertarikh 2 Februari 2021 dan Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) no. rujukan KPM.600-12/1/4 Jld. 17 (35) bertarikh 18 Januari 2021 dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Planetarium Negara, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama *AstroX* dan *SpaceVio* akan menganjurkan pertandingan tersebut bersempena dengan *NASA's Radioisotope Power System Program.* Pertandingan ini menyediakan peluang kepada murid untuk menjadi saintis NASA dengan mengkaji tiga pilihan bulan planet *Uranus* iaitu *Ariel, Oberon* dan *Titania*.

3. Sehubungan dengan itu, kerjasama tuan dimohon bagi **menggalakkan murid-murid** dari sekolah tuan untuk menyertai pertandingan tersebut mengikut ketetapan berikut.

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | **1 Julai hingga 31 Ogos 2021** |
| **Kategori** | : | **A - murid berumur 10 hingga 12 tahun**<br>**B - murid berumur 13 hingga 15 tahun**<br>**C - murid berumur 16 hingga 18 tahun** |
| **Pendaftaran** | : | **https://www.angkasawan.org.my/sfad2021/** |

**...2/**

4. Bersama-sama ini disertakan surat berkenaan yang jelas menerangkan maksudnya untuk makluman dan tindakan tuan. Kos penyertaan adalah ditanggung oleh sekolah/murid. Maklumat lanjut berkaitan program boleh didapati dengan melayari pautan **www.planetariumnegara.gov.my** atau **www.angkasawan.org.my**.

5. Sila hubungi **Puan Nur Fazilah bt. Mohamad Hanafiah (Planetarium Negara)** melalui talian **03-22734303/019-4998442, Encik Jong Tze Kian (Planetarium Negara)** melalui talian **03-22734303/016-8889358** atau **Cik Norleen binti Kamardin** melalui talian **03-62046856** untuk sebarang pertanyaan.

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHD NAJIB BIN AB RAHMAN, *KMW*)**
Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD
b.p. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

s.k.
i. Pegawai Pendidikan Daerah, Pejabat Pendidikan Daerah Bangsar & Pudu
ii. Pegawai Pendidikan Daerah, Pejabat Pendidikan Daerah Keramat
iii. Pegawai Pendidikan Daerah, Pejabat Pendidikan Daerah Sentul

NK/PN2021

**PLANETARIUM NEGARA**
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
53, Jalan Perdana
50480 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

Tel: 603-2273 5484
Faks: 603-2273 5488
Laman web: www.planetariumnegara.gov.my
E-mel: info@planet.gov.my

TERIMA
- 4 FEB 2021
SEKTOR PEMBANGUNAN MURID

TERIMA
03 FEB 2021
PEJABAT PENGARAH

PN/EDU/600-1/4 Jld.3 ( 6 )
2 Februari 2021

**SENARAI EDARAN**

TPP Murid
3/2 TPP (S4PD)

Tuan/Puan,

**PERMOHONAN PENGANJURAN DAN HEBAHAN PENYERTAAN MURID DALAM PERTANDINGAN ESEI SCIENTIST FOR A DAY 2021**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia No. Rujukan: KPM.600-12/1/4 Jld.17 (35) bertarikh 18 Januari 2021 adalah berkaitan dan dirujuk.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa Planetarium Negara, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama AstroX dan SpaceVio akan melaksanakan Pertandingan Esei Scientist For A Day 2021 sempena *NASA's Radioisotope Power System Program*. Pertandingan ini merupakan sebuah pertandingan yang julung-julung kali diadakan bermula **1 Julai hingga 31 Ogos 2021.** Pertandingan esei ini merupakan sebuah pertandingan peringkat antarabangsa yang menyediakan peluang unik kepada murid sekolah rendah dan menengah untuk menjadi saintis NASA dengan mengkaji tiga pilihan bulan planet Uranus.

3. Sehubungan dengan itu, pihak Planetarium Negara ingin memohon penganjuran Pertandingan Esei Scientist For A Day 2021 di negeri seperti butiran di **Lampiran 1**. Kerjasama pihak tuan/puan juga dimohon untuk membuat hebahan dan memanjangkan perkara ini ke sekolah-sekolah rendah dan menengah di bawah seliaan pihak tuan/puan bagi penyertaan murid dalam pertandingan ini.

4. Sebarang maklumat dan pertanyaan berkaitan perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi Puan Nur Fazilah binti Mohamad Hanafiah di talian 03-2273 4303/ 019-499 8442 atau emel fazilah@planet.gov.my dan Encik Jong Tze Kian di talian 03-2273 4303/ 016-888 9358 atau emel tkjong@planet.gov.my.

4/2/21

Kerjasama daripada tuan amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**ANITA BINTI BAHARI**
Pengarah
Planetarium Negara
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

## SENARAI EDARAN

1. **Pengarah**
   Jabatan Pendidikan Negeri Johor
   Wisma Pendidikan
   Jalan Tun Abdul Razak
   80604 Johor Bahru
   Johor
   **(u.p.: Ketua Penolong Pengarah Unit Pembangunan Bakat Murid)**
   Tel. : 07-231 0000
   Faks. : 07-234 7132
   Emel : jpn.johor@moe.gov.my, shaharuddin.saari@moe.gov.my, rafidah.ismail@moe.gov.my

2. **Pengarah**
   Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
   Kompleks Pendidikan
   Jalan Stadium
   05604 Alor Setar
   Kedah
   **(u.p.: Ketua Penolong Pengarah Unit Pembangunan Bakat Murid)**
   Tel. : 04-740 4000
   Faks. : 04-740 4342
   Emel : jpn.kedah@moe.gov.my, pengarah.jpnk@moe.gov.my, a.shukri@moe.gov.my

3. **Pengarah**
   Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
   Bandar Baru Tunjong
   16010 Kota Bharu
   Kelantan
   **(u.p.: Ketua Penolong Pengarah Unit Pembangunan Bakat Murid)**
   Tel. : 09-741 8000/ 741 8020
   Faks. : 09-741 8001/ 741 8002
   Emel : jpnkelantan@moe.gov.my, fauzi.zahari@moe.gov.my, nik.rahayu@moe.gov.my

4. **Pengarah**
   Jabatan Pendidikan Melaka
   Jalan Istana
   75450 Bukit Beruang
   Melaka
   **(u.p.: Ketua Penolong Pengarah Unit Pembangunan Bakat Murid)**
   Tel. : 06-232 3776 / 232 3777
   Faks. : 06-232 0500
   Emel : jpnmelaka@moe.gov.my, mohdazam.ahmad@moe.gov.my, syazmin@moe.gov.my

5. **Pengarah**
   Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
   Jalan Dato' Hamzah
   70990 Seremban
   Negeri Sembilan
   **(u.p.: Ketua Penolong Pengarah Unit Pembangunan Bakat Murid)**
   Tel. : 06-765 3100
   Faks. : 06-763 9969
   Emel : jpn.nsembilan@moe.gov.my, mdfiah.mdjamin@moe.gov.my, mazwati.mzain@moe.gov.my

6. **Pengarah**
   Jabatan Pendidikan Pahang
   Bandar Indera Mahkota
   25604 Kuantan
   Pahang
   **(u.p.: Ketua Penolong Pengarah Unit Pembangunan Bakat Murid)**
   Tel. : 09-571 5700
   Faks. : 09-573 4857
   Emel : jpn.pahang@moe.gov.my, zaimi@moe.gov.my, aidah.amir@moe.gov.my

7. **Pengarah**
   Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
   Jalan Bukit Gambir
   11700 Pulau Pinang
   **(u.p.: Ketua Penolong Pengarah Unit Pembangunan Bakat Murid)**
   Tel. : 04-657 5500/ 652 1078
   Faks. : 04-658 2500
   Emel : webmaster.jpnpp@moe.gov.my, rashid.samad@moe.gov.my, shahridzuan.mohdazmi@moe.gov.my

8. **Pengarah**
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh
Perak
**(u.p.: Ketua Penolong Pengarah Unit Pembangunan Bakat Murid)**
Tel. : 05-501 5000
Fak. : 05-527 7273
Emel : jpn.perak@moe.gov.my, drsuhaimi.ali@moe.gov.my, noraini.shahroom@moe.gov.my

9. **Pengarah**
Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
Jalan Tun Abdul Razak
01990 Kangar
Perlis
**(u.p.: Ketua Penolong Pengarah Unit Pembangunan Bakat Murid)**
Tel. : 04-973 7777
Faks. : 04-976 7080
Emel : jpnperlis@moe.gov.my, naharudeen@moe.gov.my, shaedasuria.draman@moe.gov.my

10. **Pengarah**
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
Wisma Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
Jalan Punai Tanah, Likas
88450 Kota Kinabalu
Sabah
**(u.p.: Ketua Penolong Pengarah Unit Pembangunan Bakat Murid)**
Tel. : 088-537 010
Faks. : 088-537 010
Emel : jpnsabah@moe.gov.my, mistirine.radin@moe.gov.my, phyllis@moe.gov.my

11. **Pengarah**
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik Off Jalan Bako
Petra Jaya
93050 Kuching
Sarawak
**(u.p.: Ketua Penolong Pengarah Unit Pembangunan Bakat Murid)**
Tel. : 082-473 473
Faks. : 082-473 478
Emel : jpnsarawak@moe.gov.my, norisah.suhaili@moe.gov.my, caroline.francis@moe.gov.my

12. **Pengarah**
Jabatan Pendidikan Selangor
Jalan Jambu Bol 4/3E
Seksyen 4
40604 Shah Alam
Selangor
**(u.p.: Ketua Penolong Pengarah Unit Pembangunan Bakat Murid)**
Tel. : 03-5518 6500
Faks. : 03-5510 2133
Emel : jpn.selangor@moe.gov.my, izmi.ismail@moe.gov.my, nadila.annas@moe.gov.my

13. **Pengarah**
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
Jalan Bukit Kecil
20604 Kuala Terengganu
Terengganu
**(u.p.: Ketua Penolong Pengarah Unit Pembangunan Bakat Murid)**
Tel. : 09-624 4500
Faks. : 09-622 7207
Emel : jpnt@moe.gov.my, salim.abghani@moe.gov.my, ainizakiah@moe.gov.my

14. **Pengarah**
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
50604 Kuala Lumpur
**(u.p.: Ketua Penolong Pengarah Unit Pembangunan Bakat Murid)**
Tel. : 03-6204 6000
Faks. : 03-6204 6801
Emel : jpn.wp@moe.gov.my, zainudin.mohamad@moe.gov.my

**15. Pengarah**

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan
Aras 10, Blok 4
Kompleks Ujana Kewangan
Peti Surat 81097
87020 Labuan
**(u.p.: Ketua Penolong Pengarah Unit Pembangunan Bakat Murid)**
Tel. : 087-583 351 / 583 357
Faks. : 087-583 352
Emel : jpnlabuan@moe.gov.my, khaziyati@moe.gov.my, sirianti@moe.gov.my

**16. Pengarah**

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya
Aras 7, Blok E 2, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
**(u.p.: Ketua Penolong Pengarah Unit Pembangunan Bakat Murid)**
Tel. : 03-8889 0000
Faks. : 03-8890 3087
Emel : farizah.ahmad@moe.gov.my, hafidah.arsad@moe.gov.my

# LATAR BELAKANG PERTANDINGAN ESEI SCIENTIST FOR A DAY 2021

1. Pertandingan Esei *Scientist for a Day* 2021 ini merupakan inisiatif daripada *NASA's Radioisotope Power Systems Program* untuk menghantar sebuah kapal angkasa menggunakan sumber tenaga radioisotop ke salah sebuah daripada tiga bulan planet Uranus yang merupakan kawasan yang paling sejuk, gelap dan suram dalam Sistem Suria. Pertandingan esei ini merupakan sebuah pertandingan peringkat antarabangsa yang menyediakan peluang unik kepada murid sekolah untuk menjadi saintis NASA dengan mengkaji tiga (3) pilihan bulan planet Uranus.

2. Secara ringkas, peserta akan diberikan tiga (3) pilihan bulan yang beredar mengelilingi planet Uranus. Seterusnya peserta perlu membuat kajian dan memilih salah satu bulan yang dapat memberikan inspirasi dan hasil saintifik yang paling hebat. Pilihan peserta haruslah disokong dengan penjelasan atau penerangan selanjutnya dalam bentuk penulisan esei tidak melebihi 300 patah perkataan. Sama seperti yang akan dilakukan oleh saintis NASA, peserta perlu menerangkan perkara yang dapat dipelajari atau diperoleh daripada bulan planet Uranus yang dipilih.

3. Penganjuran pertandingan: Planetarium Negara, AstroX dan SpaceVio

4. Tajuk: Tiga (3) bulan planet Uranus

    3.1 Ariel
    3.2 Oberon
    3.3 Titania

5. Tarikh pertandingan:

| Butiran | Tarikh |
|---|---|
| Tarikh mula pertandingan | 1 Julai 2021 |
| Tarikh tutup pertandingan | 31 Ogos 2021 |
| Penilaian juri | Minggu ke-2 September 2021 |
| Pengumuman pemenang | 4 Oktober 2021 |

6. Planetarium Negara telah dilantik sebagai "*National Coordinator*" bagi pihak Malaysia dengan kerjasama badan NGO AstroX dan SpaceVio dalam menjayakan pertandingan esei yang diberi nama "***Scientist for a Day* 2021**" oleh *National Aeronautics and Space Administration* (NASA).

## SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN ESEI SCIENTIST FOR A DAY 2021

1. Syarat-syarat mandatori:

   1.1 warganegara Malaysia;

   1.2 terbuka kepada murid sekolah rendah dan sekolah menengah atau persendirian;

   1.3 berusia antara 10 tahun hingga 18 tahun (pada tahun semasa); dan

   1.4 penyertaan secara **individu** atau **berkumpulan** (maksimum 3 orang ahli dalam satu kumpulan).

2. Syarat-syarat umum:

   2.1 Pertandingan ini dibuka kepada **tiga (3) kategori** iaitu

      2.1.1 **Kategori A**: berumur 10 tahun hingga 12 tahun

      2.1.2 **Kategori B**: berumur 13 tahun hingga 15 tahun

      2.1.3 **Kategori C**: berumur 16 tahun hingga 18 tahun

   2.2 Pilih **SATU (1)** tajuk sahaja daripada tiga tajuk seperti berikut

      2.2.1 **Tajuk A: Ariel**

      2.2.2 **Tajuk B: Oberon**

      2.2.3 **Tajuk C: Titania**

   2.3 **Panjang Esei**

      2.2.1 **TIDAK LEBIH** daripada 300 patah perkataan.

      2.2.2 Esei hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris sahaja.

      2.2.3 Esei yang melebihi 300 patah perkataan **TIDAK** akan diterima.

2.4 Maklumat peribadi (nama, sekolah, bandar atau Negeri) **TIDAK** perlu dimasukkan dalam kandungan esei.

2.5 Sumber rujukan (bibliografi) **TIDAK** perlu dimasukkan atau dinyatakan dalam kandungan esei.

2.6 Penulisan esei hanya menggunakan teks sahaja. **TIADA** lampiran, gambar atau capaian (*link*) kepada mana-mana laman web dalam kandungan esei.

2.7 Setiap murid atau kumpulan dibenarkan untuk menghantar **SATU (1)** esei sahaja.

2.8 Esei yang ditulis mestilah hasil penulisan **ASLI**, idea sendiri dan belum pernah diterbitkan oleh mana-mana pihak. Esei yang diciplak, plagiat atau terjemahan **TIDAK** akan diterima.

2.9 Kemahiran berkomunikasi adalah perkara yang penting untuk menjadi seorang saintis. Ejaan dan tatabahasa akan dipertimbangkan bagi idea yang dinyatakan dalam esei.

2.10 Esei akan dinilai mengikut kategori dan tajuk yang ditetapkan.

2.11 Esei yang dihasilkan adalah hak milik penganjur dan penganjur berhak menggunakannya, menyunting dan menyiarkan dalam mana-mana penerbitan.

2.12 Keputusan panel hakim adalah **muktamad**.

3. Kaedah penyertaan:

3.1 Borang penyertaan secara dalam talian (*online*) disediakan seperti pautan berikut:

**https://www.angkasawan.org.my/sfad2021/**

3.2 Maklumat lanjut berkenaan pertandingan ini boleh didapati dengan melayari laman web www.planetariumnegara.gov.my dan www.angkasawan.org.my.

4. Hadiah

4.1 Satu (1) pemenang terbaik bagi setiap kategori akan menerima hadiah wang tunai sebanyak RM300.00 dan cenderahati.

4.2 e-sijil akan diberikan kepada setiap peserta yang menyertai pertandingan ini.

5. Penganjur

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi pihak penganjur seperti butiran berikut:

5.1 Planetarium Negara
53 Jalan Perdana
50480 Kuala Lumpur
Tel : 03-2273 4303
Faks : 03-2273 5488

(a) Puan Nur Fazilah binti Mohamad Hanafiah
e-mel : fazilah@planet.gov.my

(b) Encik Jong Tze Kian
e-mel : tkjong@planet.gov.my

5.2 AstroX
Kapten Mohammed Faiz Kamaludin
e-mel : mfaiz@angkasawan.org.my

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
*Ministry of Education Malaysia*
**BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN**
*Sports, Co-curricular And Arts Division*
Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 88841002/88841333
Faks : +603 88841034/88886790
Laman Web : www.moe.gov.my

KPM.600-12/1/4 Jld.17 ( 35 )
18 Januari 2021

**PUAN ANITA BINTI BAHARI**
Pengarah
Planetarium Negara
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
53, Jalan Perdana
**50480 KUALA LUMPUR.**

Puan,

**PERMOHONAN KEBENARAN PENGLIBATAN MURID DALAM PERTANDINGAN ESEI *SCIENTIST FOR A DAY* 2021**

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada pihak puan bertarikh 12 Januari 2021 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak puan. Pihak KPM sentiasa mengalu-alukan kerjasama dengan agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam pembangunan kokurikulum di negara ini.

3. Walau bagaimanapun, berikutan kesan penularan jangkitan *Novel Coronavirus* (COVID-19) yang melanda seluruh dunia, penjarakan fizikal merupakan salah satu prosedur yang perlu dipatuhi dalam normal baharu. Ini menyebabkan banyak program khususnya aktiviti kokurikulum tidak dapat dilaksanakan seperti kebiasaan.

4. Sehubungan dengan itu, pihak KPM mengambil maklum akan permohonan puan serta **tiada halangan** bagi murid menyertai **Pertandingan Esei *Scientist For A Day* 2021** yang akan diadakan bermula **1 Julai hingga 31 Ogos 2021** secara dalam talian, selaras Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.8/1995, Bil.7/1988, Bil.8/2009, Bil.5/2018 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010. Walau bagaimanapun, selaras dengan *Standard Operating Procedure* (SOP) Pembukaan Sektor Sukan dan Rekreasi yang dikeluarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan **Garis Panduan Pelaksanaan Sukan dan Kokurikulum, KPM** berkaitan langkah pencegahan penularan jangkitan COVID-19, pihak puan dimohon untuk memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi:

4.1 Pihak penganjur hendaklah mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) serta sekolah yang berkenaan;

...2/-

4.2 Semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;

4.3 Penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga;

4.4 Pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;

4.5 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;

4.6 Penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP)/program/aktiviti sekolah;

4.7 Pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;

4.8 Sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberikan laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;

4.9 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri serta Pejabat Pendidikan Daerah yang terlibat;

4.10 Pihak penganjur dimohon mengemukakan **satu salinan laporan program yang dijalankan (format seperti di Lampiran A)** kepada Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, KPM dalam tempoh 30 hari selepas tamat program bagi tujuan pengiktirafan program dan pemarkahan kokurikulum; dan

4.11 Tarikh akhir bagi kunci masuk markah ke dalam sistem Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) adalah pada **31 Disember 2021. Sehubungan dengan itu, penganjur disaran untuk menyelesaikan semua aktiviti pada atau sebelum bulan November 2021; dan**

4.12 KPM berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa.

5. Surat kebenaran ini **hanya** untuk **Planetarium Negara** yang akan mengadakan **Pertandingan Esei *Scientist For A Day* 2021** yang akan diadakan bermula **1 Julai hingga 31 Ogos 2021** secara dalam talian **sahaja.** Sebarang kebenaran program baharu atau perubahan tarikh program hendaklah dikemukakan kepada pihak Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, KPM.

6. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak puan boleh menghubungi **Pn. Nadhirah binti Azman** di talian **03-8884 1090** atau e-mel nadhirah@moe.gov.my.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(ZAINAL BIN ABAS)**
Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia

NA/na

sk:
1. Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
2. Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh
3. Pengarah Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional
4. Pengarah Bahagian Pendidikan Islam
5. Pengarah Bahagian Pendidikan Swasta
6. Pengarah Bahagian Pendidikan Khas
7. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)
   (u.p. Ketua Penolong Pengarah Sektor Pembangunan Murid JPN)

# LAPORAN

## (NAMA AKTIVITI)

1.0 Nama Program/Aktiviti

2.0 Tarikh Pelaksanaan

3.0 Mod Pelaksanaan

4.0 Penyertaan (jantina/bangsa)

| NO | SEKOLAH | DAERAH/ NEGERI/ NEGARA | JANTINA | | BANGSA | | | | JUMLAH | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | L | P | MELAYU | CINA | INDIA | LAIN-LAIN | MURID | GURU |
| 1 | | | | | | | | | | |
| 2 | | | | | | | | | | |
| 3 | | | | | | | | | | |
| 4 | | | | | | | | | | |
| 5 | | | | | | | | | | |
| 6 | | | | | | | | | | |
| 7 | | | | | | | | | | |
| 8 | | | | | | | | | | |
| 9 | | | | | | | | | | |
| 10 | | | | | | | | | | |
| 11 | | | | | | | | | | |
| 12 | | | | | | | | | | |
| 13 | | | | | | | | | | |
| 14 | | | | | | | | | | |
| 15 | | | | | | | | | | |
| 16 | | | | | | | | | | |
| | | JUMLAH | | | | | | | | |

5.0 Jadual Pengisian / Pelaksanaan Aktiviti

6.0 Peruntukan / Perbelanjaan Yang Diturunkan (****Jika berkaitan*)

7.0 Tetamu Kehormat (VIP) (***Jika berkaitan)

8.0 Pemenang (***Jika berkaitan)

9.0 Isu dan cabaran

10.0 Cadangan penambahbaikkan

11.0 Gambar

Disediakan oleh:

Tarikh: